

28/04/1999

Pemuda Umno awasi kegiatan antikerajaan

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno akan memantau kegiatan sesetengah pentadbir, khususnya pensyarah di universiti awam, dalam usaha membendung kegiatan antikerajaan di kampus.

Pengerusi Majlis Kemahasiswaan dan Latihan (MKL) pergerakan itu, Zein Isma Ismail berkata langkah itu perlu kerana wujudnya segelintir pensyarah dan pentadbir universiti yang secara langsung terbabit dalam gerakan antikerajaan.

"Kita mendesak mereka yang terbabit secara langsung, khususnya pensyarah, dalam gerakan menanam semangat antikerajaan di kalangan pelajar universiti, supaya dikenakan tindakan tegas," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama majlis itu di sini.

Zein Isma berkata, mereka perlu menyedari tanggungjawab sebenar dalam mendidik anak bangsa selain hakikat bahawa ada antara mereka yang menerima pembiayaan pengajian dan ganjaran daripada kerajaan.

Baru-baru ini, beberapa pensyarah dan pelajar institusi pengajian tinggi tempatan dikenal pasti terbabit dalam perhimpunan haram yang bertukar ganas berikutan keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara enam tahun terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah.

Selain itu, Pemuda Umno juga akan mengadakan Gerak Mesra Mahasiswa di kesemua universiti awam bertujuan mengeratkan hubungan antara pergerakan itu dengan seluruh warga kampus.

Zein Isma berkata ia akan membuka ruang untuk perbincangan dua hala mengenai perkembangan semasa selain membolehkan Pemuda memberi penjelasan terhadap salah tanggapan yang wujud akibat dakwah parti pembangkang.

Beliau juga berkata, satu perhimpunan 1,600 pemimpin Pemuda Umno bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diadakan 1 Jun ini bertujuan meningkatkan semangat perjuangan pergerakan itu.

(END)